

Lahir Usahawan berpendidikan tinggi

Oleh Sarah Aina Shawal
sarah.aina@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Mahasiswa digalakkan menyertai program anjuran pusat pembangunan keusahawanan di universiti bagi melahirkan usahawan berjaya yang berpendidikan tinggi.

Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Zulhamri Abdullah, berkata universiti itu merencana pelbagai program melalui pusat berkenaan untuk mencapai sasaran 50 syarikat berdaftar oleh pelajar setiap tahun.

“CEM ditubuhkan tahun lalu selaras dengan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT bagi menggalak serta memantapkan pembangunan keusa-

hawan dan kebolehpasaran graduan yang lebih terancang serta holistik.

“Melalui CEM, pelbagai inisiatif dan pendekatan diperkenalkan untuk memberi peluang kepada pelajar mendalami dunia perniagaan secara terperinci.

“Pada peringkat awal, pelajar perlu mengikuti empat hari latihan bersama-sama CEM sebelum menjalani latihan perniagaan selama setahun untuk memastikan usahawan yang dilahirkan berkualiti,” katanya.

Membudayakan keusahawanan

Dr Zulhamri berkata, CEM membuka peluang kepada pelajar untuk menjalankan perniagaan di beberapa tempat sekitar kampus UPM, antara lain PutraBiz@Kiosk, PutraNiaga@Kiosk dan PutraNiaga@Bazaar yang dibuka setiap Jumaat, selain PutraBiz@Stall yang kini dalam perancangan.

Beliau berkata, UPM memperkenalkan subjek Keusahawanan dalam usaha membudayakannya dalam kalangan pelajar yang mana mereka perlu menduduki peperiksaan, membuat perancangan dan pembentangan, menghasilkan laporan akhir dan mengendalikannya aktiviti perniagaan.

Penyelaras Mata Pelajaran Keusahawanan yang juga Pensyarah Kanan di Fakulti Ekonomi Dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Mohammad Noorizzuddin Nooh, berkata subjek Keusahawanan diperkenalkan di universiti itu sejak tahun 2007 sebelum diwajibkan dalam semua program pengajian pada tahun 2011.


“Semua pelajar diwajibkan mengambil dua siri subjek Keusahawanan bergantung kepada program yang mereka ikuti. Objektif subjek ini bukan semata-mata untuk melahirkan usahawan tetapi menerapkan cirinya terhadap setiap pelajar untuk kepentingan



Mohammad Noorizzuddin



Prof Zulhamri Abdullah



Prof Rose Alinda Alias

bidang kerjaya mereka kelak.

“Siri pertama dikenali sebagai pengantar perniagaan yang lebih memberi tumpuan kepada teori, iaitu cara membuat pelan perniagaan dan asas perniagaan. USIM lebih menerapkan elemen keislam-

an dalam aktiviti keusahawanan dengan memperkenalkan jenis perniagaan Islam serta menekankan pengetahuan asas mengenai zakat, sedekah dan infak.

Subjek wajib

“Pembelajaran dalam siri seterusnya lebih santai, termasuk pelajar dikehendaki membangunkan aktiviti kanvas model perniagaan yang dijalankan selama seminggu di kampus,” katanya.

Sementara itu Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Rose Alinda Alias, berkata setakat ini sebanyak 64 syarikat berdaftar sudah ditubuhkan dalam kalangan mahasiswa dan 76 syarikat oleh pelajar Ijazah Sarjana Sains (Keusahawanan Teknologi).

Beliau berkata, UTM menubuhkan Pusat Keusahawanan Teknologi pada tahun lalu, selain mewajibkan subjek Keusahawanan terhadap semua pelajar ijazah sarjana muda sejak tahun 2008.

“Pada tahun 2011, UTM membentuk Kluster Inovasi, Kreativiti dan Keusahawanan yang memberi peluang kepada pelajar untuk memilih sama ada mengambil subjek berkenaan secara teori atau praktikal.

“Pembelajaran teori terbahagi kepada tiga, iaitu Keusahawanan Islam, Keusahawanan Sosial dan Pendidikan Keusahawanan, manakala secara praktikal pula memerlukan pelajar membangunkan perniagaan sendiri serta terbahagi dalam tender universiti,” katanya.